



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**PERSEPSI PELAJAR-PELAJAR SEMESTER TIGA DAN LIMA  
KURSUS KEJURUTERAAN AWAM DAN AKAUNTANSI DI  
POLITEKNIK TERHADAP KEPERLUAN  
KEMAHIRAN PEKERJAAN**

**ABDUL HAMID BIN HASAN**

**FPP 1996 4**

**PERSEPSI PELAJAR-PELAJAR SEMESTER TIGA DAN LIMA  
KURSUS KEJURUTERAAN AWAM DAN AKAUNTANSI DI  
POLITEKNIK TERHADAP KEPERLUAN  
KEMAHIRAN PEKERJAAN**

**Oleh**

**ABDUL HAMID BIN HASAN**

**Kertas Projek Yang Dikemukakan Sebagai Memenuhi  
Sebahagian Daripada Syarat Untuk Mendapatkan  
Ijazah Master Sains  
Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Pertanian Malaysia**

**November 1996**



## **PENGHARGAAN**

**Syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat Nya, akhirnya kertas projek penyelidikan ini berjaya dihasilkan.**

**Penulis sangat-sangat berhutang budi dan ingin merakamkan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada pensyarah penasihat Dr. Mohd Ibrahim bin Nazri, kerana bimbingan dan tunjuk ajar yang diberikan. Semoga Allah membala segala jasa baik beliau.**

**Terima kasih juga ditujukan kepada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia, Pengetua , Ketua Jabatan, Pensyarah dan Pelajar-pelajar politeknik yang terlibat dalam kajian ini. Tidak lupa juga penulis merakamkan jutaan terima kasih kepada pensyarah-pensyarah Fakulti Pengajian Pendidikan UPM dan rakan-rakan seperjuangan kerana telah membimbang penulis menempuh ranjau sepanjang mengikuti kursus Sarjana Sains.**

**Akhir sekali penulis merakamkan jutaan kasih sayang kepada seisi keluarga terutama isteri tersayang Jamilah Ab.Malik dan anak-anak; Hanim, Akmal, Zahra dan Mohd. Sallehuddin yang sentiasa memberi dorongan serta berkorban masa dan tenaga sepanjang penulis mengikuti pengajian ini.**

## **DAFTAR KANDUNGAN**

	<b>HALAMAN</b>
<b>PENGHARGAAN</b> .....	ii
<b>SENARAI JADUAL</b> .....	vi
<b>SENARAI RAJAH</b> .....	viii
<b>SENARAI SINGKATAN</b> .....	xi
<b>ABSTRAK</b> .....	x
<b>ABSTRACT</b> .....	xi
<b>BAB</b>	
<b>I PENGENALAN</b>	
<b>Latar Belakang Kajian</b> .....	1
<b>Penyataan Masalah</b> .....	6
<b>Objektif Kajian</b> .....	9
<b>Kepentingan Kajian</b> .....	10
<b>Batasan Kajian</b> .....	11
<b>Definisi Operasional</b> .....	12

<b>II</b>	<b>SOROTAN KAJIAN LEPAS</b>	
	<b>Pendidikan dan Manusia .....</b>	<b>14</b>
	<b>Pendidikan dan Pekerjaan .....</b>	<b>18</b>
	<b>Kemahiran, Pekerjaan dan Kemahiran</b>	
	<b>Pekerjaan .....</b>	<b>21</b>
	<b>Kesimpulan .....</b>	<b>26</b>
<b>III</b>	<b>METODOLOGI PENYELIDIKAN</b>	
	<b>Rekabentuk Kajian .....</b>	<b>27</b>
	<b>Populasi dan Persampelan .....</b>	<b>28</b>
	<b>Pengumpulan Data .....</b>	<b>29</b>
	<b>Pemerosesan Data .....</b>	<b>29</b>
<b>IV</b>	<b>DAPATAN KAJIAN</b>	
	<b>Maklumat Latar Belakang Responden .....</b>	<b>31</b>
	<b>Respon Pelajar-pelajar Terhadap Keperluan</b>	
	<b>Kemahiran Pekerjaan .....</b>	<b>33</b>
	<b>Sumber Utama Makhunat .....</b>	<b>48</b>

V           **RUMUSAN, PERBINCANGAN , KESIMPULAN  
DAN CADANGAN**

<b>Rumusan .....</b>	<b>56</b>
<b>Perbincangan .....</b>	<b>58</b>
<b>Kesimpulan .....</b>	<b>62</b>
<b>Cadangan .....</b>	<b>63</b>
<b>BIBLIOGRAFI .....</b>	<b>66</b>

**LAMPIRAN**

<b>A      Kebenaran Bagi Menjalankan Kajian Ke Sekolah-Sekolah, Jabatan-jabatan Dan Institusi-institusi Di Bawah Kementerian Pendidikan Malaysia ....</b>	<b>70</b>
<b>B      Kertas Soal Selidik .....</b>	<b>73</b>
<b>C      Min dan Pangkatan Persepsi Pelajar Mengikut Kursus Pengajian Mengenai Keperluan Kemahiran Pekerjaan .....</b>	<b>80</b>
<b>D      Min dan Pangkatan Persepsi Pelajar Mengikut Semester Pengajian Mengenai Keperluan Kemahiran Pekerjaan .....</b>	<b>84</b>
<b>BIODATA .....</b>	<b>89</b>

## **SENARAI JADUAL**

<b>JADUAL</b>		<b>HALAMAN</b>
1	<b>Maklumat Latar Belakang Pelajar-pelajar</b> .....	32
2	<b>Taraf Akademik Bapa Pelajar</b> .....	34
3	<b>Pendapatan Sebulan Bapa Pelajar</b> .....	35
4	<b>Min dan Pangkatan Kemahiran</b>  Pekerjaan Mengikut Persepsi Pelajar-pelajar .....	37
5	<b>Min Dan Pangkatan Persepsi Pelajar Terhadap</b>  Kelompok-kelompok Kemahiran Pekerjaan .....	40
6	<b>Pangkatan Persepsi Mengikut Kumpulan Pelajar</b>  Terhadap Kelompok-kelompok Kemahiran Pekerjaan ...	41
7	<b>Kekerapan dan Peratus Respon Pelajar Terhadap</b>  Kemahiran Pekerjaan Dalam Kelompok Kemahiran Minat .....	43
8	<b>Kekerapan dan Peratus Respon Pelajar Terhadap</b>  Kemahiran Pekerjaan Dalam Kelompok Kemahiran  Menerima Arahan .....	44

## SENARAI KANDUNGAN (SAMBUNGAN)

	<b>Halaman</b>
9      Kekerapan dan Peratus Respon Pelajar Terhadap Kemahiran Pekerjaan Dalam Kelompok Kemahiran Asas .....	46
10     Kekerapan dan Peratus Respon Pelajar Terhadap Kemahiran Pekerjaan Dalam Kelompok Kemahiran Kerjasama .....	47
11     Kekerapan dan Peratus Respon Pelajar Terhadap Kemahiran Pekerjaan Dalam Kelompok Amanah dan Dedikasi .....	49
12     Bidang-bidang Pekerjaan Yang Ingin Diceburi Setelah Tamat Pengajian .....	50
13     Pilihan Tempat Untuk Bekerja Tamat Pengajian .....	52
14     Min dan Pangkatan Persepsi Pelajar Terhadap Sumber Utama Maklumat Mengenai Kemahiran Pekerjaan dan Kerjaya .....	53
15     Pangkatan Persepsi Pelajar Mengikut Kumpulan Terhadap Sumber Utama Maklumat Mengenai Kemahiran Pekerjaan dan Kerjaya .....	54

**SENARAI RAJAH**

**RAJAH**

**HALAMAN**

<b>1</b>	<b>Aliran Sistem Pendidikan Formal Negara .....</b>	<b>17</b>
----------	-----------------------------------------------------	-----------

## **SENARAI SINGKATAN**

**BI** - **Bahasa Inggeris**

**BM** - **Bahasa Melayu**

**DAT** - **Diploma Akauntansi**

**DKA** - **Diploma Kejuruteraan Awam**

**KDNK** - **Keluaran Dalam Negara Kasar**

**KPM** - **Kementerian Pendidikan Malaysia**

**PPD** - **Politeknik Port Dickson, Port Dickson, Negeri Sembilan**

**PUO** - **Politeknik Ungku Omar, Ipoh, Perak.**

Abstrak projek yang dikemukakan kepada Dekan Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti pertanian Malaysia sebagai memenuhi sebahagian daripada keperluan untuk Ijazah Master Sains

**PERSEPSI PELAJAR-PELAJAR SEMESTER TIGA DAN LIMA KURSUS  
KEJURUTERAAN AWAM DAN AKAUNTANSI DI POLITEKNIK  
TERHADAP KEPERLUAN KEMAHIRAN PEKERJAAN**

Oleh

**ABDUL HAMID BIN HASAN**

November 1996

Penyelia: Mohd Ibrahim bin Nazri, Ph. D.

Kajian ini bertujuan untuk menentukan tahap kesedaran di kalangan pelajar politeknik terhadap keperluan kemahiran pekerjaan dan apakah sumber utama dari mana pelajar mendapat maklumat mengenai kemahiran pekerjaan dan kerjaya. Seramai 173 orang pelajar semester tiga dan lima Kursus Diploma Kejuruteraan Awam dan Akauntansi telah dilibatkan dalam kajian ini. Data dikumpulkan dengan menggunakan soal selidik dan dianalisa dengan komputer peribadi berperisian 'The Statistical Package For Social Sciences' (SPSS). Persepsi pelajar terhadap keperluan kemahiran pekerjaan adalah tinggi. Dua puluh enam daripada empat puluh tiga pernyataan kemahiran pekerjaan mendapat min melebihi 4.0, manakala yang selebihnya mendapat antara 3.0 hingga 3.9. Kemahiran berkomunikasi secara lisan dan tulisan dalam Bahasa Melayu mendapat pangkatan teratas, manakala kemahiran membuat keputusan tanpa pertolongan mendapat pangkatan yang terendah.

Kajian ini membuat kesimpulan pelajar-pelajar menyedari tentang keperluan kemahiran pekerjaan sebagai artibut tambahan untuk memasuki alam pekerjaan. Kesedaran ini diperolehi terutamanya melalui akhbar-akhbar dan rakan-rakan. Oleh itu, dicadangkan supaya pihak pentadbiran politeknik lebih proaktif dalam menjalankan peranan menyalurkan maklumat terkini kepada pelajar mengenai keperluan kemahiran pekerjaan pada masa hadapan.

**Abstract of project presented to the Deans of Faculty of Education Studies, Universiti Pertanian Malaysia in partial fulfilment of the requirement for the Degree Of Master Science.**

**THE PERCEPTION OF THIRD AND FIFTH SEMESTER STUDENTS OF  
CIVIL ENGINEERING AND ACCOUNTANCY IN POLYTECHNICS  
TOWARDS THE NEED OF EMPLOYABILITY SKILLS**

By

**ABDUL HAMID BIN HASAN**

**November 1996**

**Supervisor: Mohd Ibrahim bin Nazri, Ph. D**

The purpose of the study was to determine the level of awareness of polytechnic students towards the needs of employability skills and the main sources of obtaining information about these employability skill and career. One hundred and seventy three students who were enrolled in Civil Engineering and Accountancy courses in polytechnics were involved in this research. The students were in their third and fifth semester, respectively. Data were collected by a questionnaire and was analysed using 'The Statistical Package Of Social Sciences'(SPSS). Perception towards the needs of employability skills were found to be high, whereby 26 of 43 forty three statements received mean score more than 4.0, while the rest scored between 3.0 to 3.9. The oral and written communication skills in Bahasa Melayu were ranked first and the skill of making own decision was ranked last.

The study concluded that, polytechnic students were aware of the needs of employability skills as additional attributes for entering the world of work. The awareness was attained mainly through newspapers and colleagues. Therefore, it is recommended that the administrators of polytechnics to be proactive in playing their roles in channelling up to date information regarding the needs for employability skills in the near future.

## BAB 1

### PENGENALAN

#### Latar Belakang Kajian

Kemerdekaan telah memberikan peluang kepada sebuah negara untuk membangun dan berkembang mengikut acuan yang tersendiri. Hal ini tidak terkecuali bagi negara kita, Malaysia. Kemerdekaan telah diisi dengan sebaik mungkin melalui pembangunan manusia dan pembangunan fizikal dengan sistematik secara berfasa. Ini bermula dengan Rancangan Malaysia Pertama (1965-1970) hingga kini di dalam Rancangan Malaysia Ketujuh (1996-2000). Di samping itu berbagai-bagai polisi, dasar dan akta digubal dengan bermatlamatkan pembangunan negara.

Sejarah pembangunan Malaysia adalah berasaskan ekonomi pertanian dan perlombongan. Hingga kini sektor ini terus memainkan peranan penting. Walau bagaimanapun, sumbangan sektor ini kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) terus merosot. Dalam tahun 1990 ia telah menyumbang

sebanyak 18.7 peratus tetapi merosot kepada peratus dalam tahun 1995. Manakala sektor pembuatan dan perindustrian berkembang pesat pada kadar 13.3 peratus setahun dan telah menyumbang 33.1 peratus dalam KDNK negara bagi tahun 1995 (Rancangan Malaysia Ketujuh, 1996 ).

Pembangunan perindustrian dan Wawasan 2020 negara, telah memberi kesan besar kepada penyediaan tenaga manusia bagi menangani pembangunan tersebut. Majikan mencari dan mengambil pekerja yang cekap, bukan sahaja dalam kemahiran akademik seperti kemahiran membaca, menulis dan mengira tetapi juga yang mempunyai kemahiran teknikal yang khusus.

Dalam Rancangan Malaysia Ketujuh ( 1996-2000 ), pembangunan sumber manusia adalah satu daripada lima dimensi pembangunan negara. Perhatian dibenarkan dalam usaha meningkatkan kemahiran dan pengetahuan tenaga buruh, menggalakkan peningkatan keupayaan dan inisiatif pengurusan serta memajukan pengetahuan saintifik dan teknologi dengan melibatkan serta mengembangkan institusi pendidikan dan latihan kemahiran. Pada keseluruhannya objektif program pendidikan dan latihan kemahiran dalam tahun-tahun 1996 hingga 2000 adalah mengeluarkan tenaga kerja mahir yang mencukupi dan

berkualiti serta menjadi warga negara yang berdisiplin, memiliki nilai moral yang tinggi dan beretika kerja yang baik.

Peruntukan perbelanjaan sektor pendidikan negara untuk tahun-tahun 1996-2000 adalah sebanyak RM 10.1 bilion atau 15.4 peratus peruntukan dalam sektor awam negara. Daripada sejumlah itu, sebanyak RM 1.3 bilion disediakan untuk menubuhkan institusi-Institusi latihan kemahiran yang baru serta mengembangkan institusi yang sedia ada (Rancangan Malaysia Ketujuh, 1996). Dijangkakan peluang pekerjaan yang memerlukan tenaga mahir hingga tahun 2000 adalah sebanyak 600,000 dan meningkat kepada 1.8 juta menjelang tahun 2020 (Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua, 1991).

Keperluan tenaga mahir yang tinggi telah memberi peluang kepada pelbagai pihak menyediakan dan menawarkan pendidikan dan latihan vokasional di dalam bidang-bidang yang dikirakan kritikal. Antaranya dalam bidang-bidang berkaitan dengan automobil, pembuatan, pembinaan dan perdagangan serta perkhidmatan-perkhidmatan sokongan. Pihak-pihak yang terlibat termasuklah Kementerian Pendidikan Malaysia, pihak swasta, korporat dan badan-badan berkanun. Pada tahun 1990 hanya terdapat sebanyak 25 buah institusi latihan kemahiran swasta manakala dalam tahun 1995 ia berkembang kepada

65 buah (Rancangan Malaysia Ketujuh, 1996). Mengikut perancangan, pihak kerajaan akan mendirikan sebanyak 72 buah Pusat Giat Mara, enam institut belia negara dan lima institut latihan perindustrian yang melibatkan peruntukan sebanyak RM 409 juta dalam tempoh 1996 hingga 2000. Dijangkakan Pindaan Akta Kolej dan Universiti, 1996, akan turut merangsangkan lagi penglibatan swasta dalam menyediakan peluang pendidikan negara.

Harus diingatkan bahawa pembangunan manusia adalah satu proses yang berterusan seumur hidup. Oleh itu pembinaan manusia yang berwibawa mestilah melalui perancangan yang sistematik terutama dalam pengajarnan dan perkuliahannya. Ini adalah supaya dapat melahirkan manusia yang diingini dan mampu mendukung perkembangan Malaysia sebagai negara maju dengan acuan tersendiri menjelang tahun 2020.

Wan Mohd Zahid (1993), ada menyatakan bahawa untuk berjaya dalam pembangunan negara, tenaga rakyat yang diperlukan bukan sahaja dilihat dari segi bilangan, jenis pengetahuan dan kemahiran yang dimiliki. Bahkan perlu juga dilihat dari segi nilai-nilai disiplin, sikap, minat, kejujuran, dedikasi terhadap kerja, boleh berfikir serta bertindak baik dan bijak sama ada secara sendiri mahu pun secara kumpulan.

Kepesatan pendidikan dan penawaran kursus-kursus kemahiran telah mewujudkan persaingan dikalangan lulusan vokasional untuk mendapat pekerjaan yang bertepatan dengan latihan yang diperolehi. Situasi ini menyebabkan majikan terpaksa melihat kriteria-kriteria lain daripada latihan kemahiran teknikal untuk diberikan kredit dalam pemilihan pekerja.

Bettina (1990), menyatakan bahawa kemahiran berkomunikasi, matematik, sains dan teknikal adalah kritikal untuk perkembangan karier seseorang tetapi masih belum menjamin kejayaan kerjayanya. Ramai majikan mempercayai bahawa kemahiran pekerjaan (employability skill) adalah lebih utama, kerana situasi pekerjaan berubah-ubah mengikut perkembangan sains dan teknologi. Majikan memerlukan seorang pekerja yang kreatif, fleksibel, mempunyai hubungan personal yang luas serta berkemahiran dalam penggunaan Unsur-unsur seperti ketaulidian diri dan penghibatan dalam kegiatan kokurikulum adalah antara beberapa aspek yang mempengaruhi pihak majikan membuat pilihan. Dijangkakan ia akan menjadi menentu pemilihan sumber manusia di masa depan bagi menangani pembangunan perindustrian yang serba canggih.

Mc Craken dan Emmenegger (1994) dalam artikel mereka ' A Theoretical Basis for Work Values Research in Vocational Education', telah

mengkategorikan nilai-nilai yang menjadi penilaian dan pengharapan oleh seseorang majikan. Kategori-kategori asas nilai yang diunggini oleh pihak majikan termasuklah:- kejujuran, baik pekerti, mempunyai imej diri yang positif, mempunyai pegangan dan matlamat hidup, bersikap positif, boleh bekerja dengan rakan sejawat, konsisten dalam perhubungan awam, menemima tanggungjawab dengan senang hati, menghormati kebebasan individu , sanggup menjalankan kerja lebih masa, bangga dengan kerjaya, menepati waktu dan masa, setia kepada pekerjaan, organisasi dan majikan, dan memberi perhatian kepada perkembangan kerjaya bersama-sama dengan organisasi.

Didapati wujud satu keghairahan untuk mengejar status negara maju menjelang tahun 2020. Ini terbukti dengan penawaran latihan dan kemahiran vokasional oleh semua pihak. Dalam keghairahan ini, sejauh manakah unsur-unsur kesediaan ke tempat kerja dan kemahiran pekerjaan diterapkan dalam kurikulum kursus atau latihan yang diajarkan.

#### **Pernyataan Masalah**

Pembangunan manusia adalah satu proses yang berterusan seumur hidup. Oleh itu pembinaan manusia yang berwibawa mestilah melalui perancangan

yang sistematik. Terutama dalam pengkaedahan dan kurikulumnya, supaya ini dapat melahirkan manusia yang diingini dan mampu mendokong perkembangan Malaysia dengan acuan tersendiri menjelang tahun 2020.

Dalam sistem pendidikan formal Malaysia kini, pendidikan pra-vokasional telah mula diperkenalkan semenjak sekolah rendah, melalui mata pelajaran Kemahiran Hidup Sekolah Rendah di tahun empat hingga enam. Ini diikuti dengan mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu (Pilihan A, Pilihan B atau Pilihan C) di sekolah menengah rendah (tingkatan satu hingga tiga) dan penawaran mata-mata pelajaran elektif dalam bidang teknik dan vokasional di sekolah menengah atas (tingkatan empat dan lima). Secara keseluruhan kurikulum pendidikan pra-vokasional yang ditawarkan ini meliputi aspek-aspek pengenalan kepada kemahiran teknikal, pembentukan sahsiah dan membina kemahiran interpersonal. Sistem pendidikan juga menyediakan peluang kepada peningkatan dalam bidang vokasional khusus, melalui sekolah-sekolah teknik dan pusat-pusat latihan.

Pada peringkat yang lebih tinggi iaitu separa profesional, Kementerian Pendidikan Malaysia juga menyediakan politeknik-politeknik bagi tujuan tersebut. Hingga kini, terdapat tujuh buah politeknik yang telah didirikan. Tujuan utamanya adalah untuk mengeluarkan lulusan separa profesional dalam

bidang kejuruteraan dan perdagangan di peringkat sijil dan diploma bagi membantu memenuhi keperluan sumber manusia di sektor awam dan swasta (Bahagian Pendidikan Teknik, 1996). Pada amnya kurikulum kursus-kursus yang ditawarkan meliputi aspek penguasaan kemahiran asas, kemahiran teknikal dan kemahiran interpersonal.

Pada setiap tahap pendidikan, kurikulum yang dibina mempunyai objektif kesepadan di antara pemupulan ilmu pengetahuan, pekerjaan dan pembinaan insan. Didapati tenaga mahir yang dikehendak oleh sistem pendidikan dapat memenuhi permintaan perindustrian dengan mudahnya, ini belum bermakna bahawa objektif penyediaan sumber manusia yang berkemahiran sudah mencapai matlamat. Ini terbukti dengan adanya rungutan-rungutan dari majikan yang pekerjaannya membulunkan masalah dan hasil pengeluaran kurang berkualiti. Tindakan-tindakan khas seperti skim galakan, lempen kawalan mutu dan imbuhan khusus terpaksa diwujudkan sebagai sokongan tambahan. Keadaan ini menggambarkan harus ada hubungan erat antara ilmu pengetahuan, kemahiran teknikal dan kemahiran pekerjaan.

Kajian Azmi (1988) ada menggambarkan bahawa kejayaan dalam perancangan pendidikan mestilah merangkumi pengintegrasian yang

munasabah tentang pendidikan vokasional dalam program persekolahan. Ini kerana pendidikan vokasional memberi pengalaman pekerjaan dan kesedaran tentang sikap dan disiplin yang diperlukan oleh sesuatu pekerjaan.

Sehubungan dengan itu kajian ini ingin mengesan sejauhmanakah pelajar-pelajar yang mengikuti kursus latihan teknikal di politeknik menyedari keperluan kemahiran pekerjaan sebelum mereka mencebur alam pekerjaan.

### **Objektif Kajian**

Secara amnya kajian ini bertujuan meninjau sama ada terdapat kesedaran tentang keperluan kemahiran pekerjaan di kalangan pelajar-pelajar semester tiga dan lima Kursus Kejuruteraan Awam dan Aktauntansi di politeknik. Di samping itu, kajian ini bertujuan mengesan sumber utama maklumat manalah yang memberi kesedaran mengenai kemahiran pekerjaan dan kerjaya.

Berdasarkan pernyataan di atas, objektif khusus kajian ini ialah

1. Untuk menentukan tahap kesedaran pelajar-pelajar berhubung dengan keperluan kemahiran pekerjaan.

2. Untuk menentukan apakah kemahiran-kemahiran pekerjaan yang disedari mengikut persepsi pelajar-pelajar Kursus Kejuruteraan Awam dan Kursus Akuntansi.
3. Untuk menentukan apakah kemahiran -kemahiran pekerjaan yang disedari mengikut persepsi pelajar-pelajar semester tiga dan semester lima.
4. Untuk mengesan sumber utama maklumat dimana pelajar menyediakan tentang keperluan kemahiran pekerjaan.

### **Kepentingan Kajian**

Kajian mengenai kemahiran pekerjaan di kalangan kumpulan pra pekerja adalah penting kerana,

1. Hasil kajian ini akan dapat membantu para perancang pendidikan dan guru vokasional, khasnya dalam penyediaan kurikulum yang berkaitan dengan:-
  - a. Program bimbingan dan kaunseling.
  - b. Program dan aktiviti kokurikulum.
  - c. Perancanaan kurikulum pendidikan vokasional.

2. Hasil kajian ini dapat memberi panduan kepada perancang program kursus dan latihan vokasional untuk menentukan apakah topik-topik yang patut diintegrasikan dalam kurikulum bagi menyediakan pelatih yang berwibawa.
3. Untuk menambahkan koleksi ilmu berhubung dengan kemahiran pekerjaan yang merupakan cabang ilmu dalam bidang pembangunan sumber manusia.

### **Batasan Kajian**

Pendidikan vokasional di Malaysia ditawarkan oleh pelbagai pihak secara normal dan tidak formal. Oleh itu kajian berhubung dengan persepsi kumpulan pra pekerja adalah terbatas kepada bidang-bidang berikut sahaja.

1. Kajian ini adalah terbatas kepada persepsi pelajar-pelajar semester tiga dan lima Kursus Kejuruteraan Awam dan Akauntansi di politeknik kerajaan yang terpilih sahaja dan mereka ini masih melalui sistem pendidikan formal anjuran kerajaan.

2. Kemahiran pekerjaan yang dikaji adalah terhad kepada kategori item-item pengukur mengenai kerjasama, penerimaan arahan dan tanggungjawab, konsep kebebasan kendiri, konsep pengalihan, amanah dan dedikasi, minat dan kemahiran asas yang disenaraikan dalam kertas soalan selidik sahaja.

Berdasarkan batasan-batasan di atas, hasil dan pertimbangan kajian tidak boleh dibuat telahan untuk mana-mana institusi latihan kemahiran. Walau bagaimana pun, hasil kajian boleh dijadikan rujukan bagi kajian lanjutan dalam bidang yang berkaitan.

### **Definisi Operasional**

Dalam kajian ini terdapat beberapa istilah teknikal yang digunakan. Untuk memastikan ketekalan fahaman dan dalam kontek kajian ini, istilah-istilah tersebut membawa maksud seperti yang diberikan di bawah.

#### **1. Persepsi**

Atkinson dan Hilgard (1983) mendefinikan persepsi sebagai proses menyusun dan mewujudkan pola-pola rangsangan melalui organ-organ penerimaan

dan kemudian menghasilkan dan membentuk imej mengenai persekitaran. Bagi Ruch (1984), persepsi adalah bersifat subjektif. Seseorang mentafsirkan apa yang dialaminya dengan berdasarkan kepada keperluannya.

Bagi kontek kajian ini, persepsi adalah merupakan proses seseorang mentafsir, menduga dan meramalkan sesuatu rangsangan atau peristiwa yang disedarinya. Pengalaman lepas dan keperluan merupakan unsur penting di dalam membentuk imej sama ada positif, negatif atau pun neutral terhadap rangsangan atau peristiwa.

Bagi tujuan pengumpulan data, persepsi responden ditentukan dengan penggunaan skala Likert lima mata dengan meminta responden mengemukakan peringkat kekerapan terhadap serangkaian pernyataan mengenai sesuatu persoalan yang ditetapkan (Best, 1982).

## 2. Kemahiran pekerjaan

Kemahiran pekerjaan ialah kemahiran yang bukan teknikal ia meliputi kemahiran-kemahiran asas, komunikasi, sikap yang tertentu, nilai-nilai dan tabiat kerja yang dipunyai oleh seseorang pekerja itu sebagai satu kualiti peribadi yang mustahak untuk menentukan keberkesanannya pencapaian, kepuasan kerja dan kejayaan dalam alam pekerjaan yang diceburi.